

Kuala Nerus

## **ANGKASA unjur perolehan keseluruhan melebihi RM42 bilion**

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA) mengunjurkan perolehan keseluruhan melebihi RM42 bilion bagi hampir 14,000 koperasi di seluruh negara, tahun ini.

Untuk 2017, perolehan sebanyak RM39.7 bilion dicatatkan semua koperasi berdaftar yang menyumbang kira-kira tiga peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, unjuran itu bukan saja realistik, malah tidak mustahil sekiranya angka yang dicatat melebihi apa yang disasarkan.

“Keyakinan ini disokong pelbagai program dan aktiviti perniagaan berimpak tinggi yang dijalankan hampir 14,000 gerakan koperasi di Malaysia.

“Daripada jumlah



**ABDUL Fattah**

keseluruhan ini, kira-kira 10,000 koperasi bernaung di bawah ANGKASA,” katanya selepas menghadiri Persidangan ANGKASA Terengganu 2018 di sini, semalam.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, ANGKASA berharap peranan koperasi yang boleh menjadi tulang belakang kerajaan, diiktiraf menerusi penyelesaian beberapa isu yang masih berbangkit.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia